



Oleh Presiden Thomas S. Monson

Pertimbangkan Mana Jalan Mu

Apabila kita melihat Yesus sebagai contoh kita dan mengikut langkah-Nya, kita boleh pulang dengan selamat kepada Bapa Di Syurga.

Saudara dan saudari yang dikasihi, saya berasa rendah hati berdiri di hadapan mu pagi ini. Saya memohon iman dan doa mu bagi pihak saya selaku saya berkongsi pesanan saya.

Kita semua memulakan perjalanan yang penting dan hebat apabila kita meninggalkan dunia roh dan memasuki peringkat yang mencahar dipanggil fana. Tujuan utama kita wujud di dunia adalah untuk memperoleh badan berdaging dan tulang, untuk memperoleh pengalaman yang hanya boleh didapati melalui pemisahan daripada ibubapa syurgawi, dan jika kita dapat mematuhi perintah-perintah. Dalam buku Abraham, pasal tiga, kita membaca: “Dan Kita akan menguji mereka dengan ini, untuk melihat apakah mereka akan melakukan segala hal apa pun yang akan Tuhan mereka perintahkan kepada mereka.”¹

Apabila kita datang ke bumi, kita membawa kurniaan hebat daripada Tuhan – iaitu hak pilihan kita. Kita

mempunyai hak istimewa untuk memilih bagi diri sendiri dalam pelbagai cara. Kita pelajari melalui pengalaman hidup diri yang susah. Kita mengenali baik dan buruk. Kita dapat membezakan yang pahit dan yang manis. Kita belajar bahawa membuat keputusan menentukan takdir.

Saya pasti kita meninggalkan Bapa kita dengan keinginan kuat untuk kembali kepada Nya, agar kita peroleh kemuliaan yang dirancang oleh Nya untuk kita yang mana kita sendiri, inginkan sangat. Walaupun kita dibiarkan untuk mencari dan mengikut jalan yang akan memimpin kita kembali ke Bapa Syurgawi kita, Dia tidak menghantar kita ke sini tanpa arah dan pimpinan. Sebaliknya, Dia telah memberi kita alat-alat yang kita perlu, dan dia akan membantu kita apabila kita meminta bantuan Nya dan cuba dengan sedaya upaya untuk bertahan sampai akhir dan memperoleh kehidupan abadi.

Untuk memimpin kita punyai firman Tuhan dan Anak Nya dalam

kitab suci. Kita mempunyai nasihat dan ajaran daripada nabi-nabi Tuhan. Kepentingan yang teragungnya, kita dilengkapi dengan contoh yang sempurna untuk diteladani— – iaitu contoh Juruselamat kita, Yesus Kristus — dan kita telah diperintah untuk mengikut teladan itu. Juruselamat sendiri berfirman: “Datanglah, mengikutiku.”² “Pekerjaan yang telah kamu lihat Aku lakukan itu akan kamu lakukan juga.”³ Dia bertanya, “Kamu harus menjadi orang yang bagaimana?” Kemudian dia menjawab, “Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, bahkan seperti Aku.”⁴ “Dia menandakan jalan dan membimbing caranya.”⁵

Apabila kita melihat Yesus sebagai Contoh kita dan mengikut cara Nya, kita boleh kembali dengan selamatnya kepada Bapa Syurgawi dan hidup bersama selama-lamanya. Nabi Nefi telah berkata, “Kecuali seseorang akan bertahan sampai akhir, dalam mengikut teladan Putera Tuhan yang hidup, dia tidak dapat diselamatkan.”⁶

Seorang wanita, setiap kali dia berkongsi pengalamannya semasa melawat Tanah Suci akan berkata dengan riangnya, “Saya berjalan di mana Yesus telah berjalan!”

Dia telah berada sekitar di mana Yesus tinggal dan mengajar. Mungkin dia telah berdiri atas batu di mana Dia pernah berdiri atau lihat banjaran pergunungan yang Dia telah pandang. Pengalaman itu, sendiri, sangat menggentarkan jiwanya; tetapi berjalan di mana Yesus telah berjalan secara fizikal adalah kurang penting dari berjalan seperti Dia telah berjalan. Berikhtiar menyamai tindakan Nya dan mengikut teladan

Nya adalah lebih penting dari ingin mencari serpihan baki yang tinggal di jalan-jalan yang telah dilalui Nya semasa dia hidup.

Apabila Yesus menjemput seseorang lelaki kaya, "Datang, ikutilah Ku,"⁷ Dia tidak bermaksud untuk lelaki kaya tersebut mengikutnya naik turun bukit dan lembah luar kota.

Kita tidak perlu berjalan di tepi laut Galilee atau dikalangan bukit-bukit Judea untuk berjalan di mana Yesus telah berjalan. Kita semua boleh berjalan di jalan yang dilaluiNya, apabila kita mengingati firman-firmanNya dalam minda kita, roh Nya mengisi hati kita, dan ajaran Nya membimbing kehidupan kita, kita memilih untuk mengikutNya apabila kita melalui perjalanan fana. Teladan Nya menerangi jalan Dia berfirman, "Akulah jalan, kebenaran, dan kehidupan."⁸

Apabila kita mengkaji lorong yang dijalani Yesus, kita akan lihat bahawa Dia melalui banyak cabaran sama yang kita akan hadapi dalam kehidupan.

Sebagai contoh, Yesus mengalami kekecewaan. Walaupun dia mengalami banyak kekecewaan, salah satu yang paling pedih tergambar dalam ratapan Nya untuk Yerusalem di penghujung pelayanan awam Nya. Orang-orang Israel telah menolak sayap keselamatan yang Dia telah tawarkan kepada mereka. Ketika dia melihat bandar yang akan ditinggal untuk dibinasakan, Dia mengalami perasaan sedih yang mendalam. Dengan dukacita Dia berkata, "O Yerusalem, Yerusalem! Nabi-nabi kau bunuh! Para utusan Tuhan kau lempari batu sampai mati! Sudah berapa kali Aku ingin merangkui semua pendudukmu seperti induk ayam melindungi anak-anaknya di bawah sayapnya, tetapi kau tidak mahu!"⁹

Yesus mengalami godaan. Lucifer, dia yang jahat, mengumpul segala kekuatannya, pendustaan yang mengundang, menggoda Dia yang telah berpuasa selamat 40 hari dan 40 malam. Yesus tidak tunduk; sebaliknya, Dia menahan diri dalam setiap

godaan. Firman terakhirnya: "Pergi kau, hai Penggoda!"¹⁰

Yesus mengalami kesakitan. Pertimbangkan Getsemani, di mana Dia "menderita secara batin . . . dan keringat Nya seperti darah menetes ke tanah."¹¹ Dan tiada yang boleh lupakan penderitaan Nya atas salib yang zalim.

Kita semua akan menghadapi kekecewaan, mungkin kerana kehilangan suatu peluang penyalahgunaan kuasa, hak pilihan orang tersayang, atau pilihan yang kita pilih sendiri. Kita semua juga akan menghadapi godaan. Kita baca dalam Ajaran dan Perjanjian, bahagian ke-29: "Dan mestilah perlu bahawa iblis akan menggoda anak-anak manusia, atau mereka tidak dapat menjadi juru kuasa bagi diri mereka."¹²

Dan juga, kita semua akan mengalami kesakitan. Kita, sebagai hamba, tidak boleh mengharap lebih daripada Tuan kita, yang meninggalkan duniawi setelah menderita dan disakiti dengan hebat.

Walaupun kita akan mengalami kesedihan yang perit, kita juga akan mendapat kegembiraan yang tidak terhingga.

Kita bersama Yesus, boleh jalan di lorong kepatuhan. Ia bukanlah senang, tetapi biarlah cogan kita seperti warisan yang ditinggalkan oleh Samuel yang berkata: "Taat kepada Tuhan lebih baik daripada mempersembahkan kurban, patuh lebih baik daripada lemak domba."¹³ Marilah kita mengingati bahawa kesimpulan akhir ketidakpatuhan adalah penahanan dan kematian, di mana ganjaran kepatuhan adalah kebebasan dan kehidupan abadi.

Kita seperti Yesus, boleh melayani sesama. Contoh hebat kebaikan adalah kehidupan Yesus, apabila Dia melayani di kalangan orang semua. Dia memberi kekuatan kepada anggota bada yang cacat, penglihatan kepada yang buta, pendengaran kepada telinga yang pekak.

Yesus mengikuti jalan berdoa. Dia mengajar kita bagaimana untuk

berdoa dan memberi kita doa indah yang dikenali sebagai doa Tuhan. Dan siapa yang boleh melupai doa Nya di Getsemani: "Jangan menurut kemahuan Ku, melainkan menurut kemahuan Bapa sahaja."¹⁴

Arahan lain yang diberi kepada kita oleh Juruselamat berada di penghujung jari-jemari kita, dijumpai dalam kitab suci, Khutbah Nya atas Gunung, Dia menyuruh kita untuk berbelas kasihan, rendah diri, menjadi baik, menjadi suci dalam hati, menjadi pendamai. Dia mengarah kita untuk berdiri berani demi kepercayaan, walaupun kita diejek dan dianiyai. Dia meminta kita untuk membenarkan cahaya kita sinar terang agar mereka yang lain boleh melihatnya dan ingin memuliakan Bapa kita di Syurga. Dia mengajar kita untuk menjadi suci dalam minda dan juga dalam tindakan. Dia memberitahu betapa pentingnya untuk mengumpul barang berharga di syurga dari di dunia.¹⁵

Perumpamaan Nya mengajar dengan kuasa dan hak. Cerita mengenai seorang Samaria, mengajar kita untuk mengasihi dan melayani jiran-jiran kita.¹⁶ Perumpamaan Nya mengenai wang emas, Dia mengajar kita untuk sentiasa memperbaiki diri dan bergiat untuk kesempurnaan.¹⁷ Dan perumpamaan Nya mengenai kambing yang hilang, Dia mengajar kita untuk menyelamatkan mereka yang telah meninggalkan jalan atau sesat.¹⁸

Apabila kita berupaya untuk memusatkan Kristus dalam kehidupan kita dengan membelajari firman-firman Nya, dengan mengikut ajaran Nya, dan mengikut teladan Nya, Dia berjanji akan berkongsi kehidupan abadi yang diperoleh melalui kematian Nya. Tiada penghujung yang lebih bernilai daripada ini, di mana kita memilih untuk menerima ajaranNya dan menjadi pengikut Nya dan melakukan kerja Nya sepanjang hidup kita. Tiada apa, tiada pilihan lain yang boleh di buat, yang akan membuat kita sepertimana Dia boleh.

Apabila saya memikirkan mereka yang telah cuba dengan sedaya upaya

untuk mengikut contoh Juruselamat dan telah menjalani jalanNya, minda saya terus terfikir akan nama Gustav dan Margarete Wacker— dua individu yang bercirikan Kristus yang saya pernah kenali. Mereka berasal dari negara Jerman dan telah menetap di Kanada timur, dan saya berkenalan dengan mereka semasa saya melayan sebagai presiden misi di sana. Saudara Wacker bekerja sebagai tukang gunting. Walaupun kemampuan mereka terhad, mereka berkongsi semua yang mereka punyai. Mereka tidak punyai anak, tetapi mereka menjaga semua yang memasuki rumah mereka. Lelaki dan perempuan yang berpelajaran tinggi dan berpengalaman sering mencari hamba-hamba Tuhan yang tidak berpelajaran ini dan menganggap diri bertuah jika mereka dapat bersama mereka walau sejam pun.

Rupa luaran mereka biasa sahaja, bahasa Inggeris mereka gagap dan

kadang kala susah difahami, rumah mereka sederhana. Mereka tidak punyai kereta atau television, juga mereka tidak melakukan apa-apa yang akan menarik perhatian dunia. Namun mereka yang beriman sering datang berkunjung untuk merasai roh yang terdapat di situ. Rumah mereka bagaikan syurga di bumi, dan roh yang disinarkan dipenuhi kedamaian suci dan kebaikan.

Kita juga boleh memperoleh roh itu dan berkongsi dengan dunia apabila kita berjalan dalam lorong Juruselamat dan mengikut teladan sempurnaNya.

Kita baca dalam Amsal yang menasihati, “Pikirlah baik-baik sebelum berbuat.”¹⁹ Apabila kita berlaku sedemikian, kita akan mempunyai iman, dan juga keinginan untuk berjalan di lorong yang dijalani Yesus. Kita tidak akan ragu jika jalan itu yang Bapa inginkan kita ikut. Contoh Juruselamat menyediakan rangka untuk apa

jua yang kita lakukan, dan firmanNya menyediakan bimbingan yang setia. JalanNya akan membawa kita selamat pulang. Semoga ini berkat kita, saya doa dalam nama Yesus Kristus, yang saya kasihi, yang saya layani dan yang saya bersaksi, amin.

NOTA

1. Abraham 3:25
2. Lukas 18:22
3. 3 Nefi 27:21.
4. 3 Nefi 27:21.
5. Lihat Eliza R. Snow, “How Great the Wisdom and the Love,” *Hymns*, no. 195.
6. 2 Nefi 31:20
7. Lukas 18:22
8. Yohanes 14:6
9. Lukas 23:34
10. Matius 4:19.
11. Lukas 22:44
12. Ajaran Dan Perjanjian 59:2.
13. 1 Samuel 15:22
14. Lukas 22:42
15. Lihat Matius 6:11.
16. Lihat Lukas 10:25-37.)
17. Lihat Matius 14:30.)
18. Lihat Lukas 15:4-7
19. Amsal 4:26

Ajaran-ajaran untuk Masa Kita

Dari Oktober 2014 sehingga April 2015, Pengajaran Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan pada Ahad minggu ke-4 harus disediakan dari ucapan yang diberikan dalam Persidangan Umum Oktober 2014. Pada April 2015, ucapan boleh dipilih daripada Persidangan Umum Oktober 2014 atau April 2015. President Pancang atau Distrik harus memilih ucapan yang digunakan dalam kawasan mereka, atau mereka boleh memilih wakil untuk melakukan tugas ini kepada uskup atau presiden cabang.

Ucapan-ucapan ini boleh didapati (dalam banyak bahasa) di conference.lds.org



Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf

Penasihat Kedua di dalam Presidensi Utama

Menerima satu Kesaksian tentang Cahaya dan Kebenaran

Kesaksian peribadi kamu tentang cahaya dan kebenaran bukan sahaja akan memberkati kamu dan keturunan kamu di dunia ini, tetapi ia akan mengikuti kamu untuk selama-lamanya

Sebagai seorang juruterbang syarikat penerbangan, saya terbang melalui banyak benua dan laut dalam kegelapan malam. Melihat langit dalam kegelapan melalui tingkap kokpit saya, terutamanya Bima Sakti, selalu membuat saya kagum dengan kebesaran dan kedalaman ciptaan Tuhan – apa yang dikatakan ayat suci sebagai “dunia tanpa nombor”¹

Ita adalah kurang daripada 100 tahun dahulu apabila kebanyakan ahli astronomi menjangka bahawa galaksi Bima Sakti kita adalah satu satunya galaksi dalam alam semesta.² Mereka menjangka bahawa apa yang terdapat melebihi galaksi kita adalah satu kekosongan yang besar, satu kekosongan yang tak terhingga – kosong,

sejuk, dan tanpa bintang, cahaya dan kehidupan.

Apabila teleskop menjadi semakin canggih – termasuk teleskop yang boleh diterbangkan ke angkasa – ahli astronomi mula memahami satu perkara menakjubkan, hampir tidak boleh difahami: bahawa alam semesta adalah sukar dibayangkan dan lebih besar daripada apa yang dahulunya dipercayai, yang syurga dipenuhi dengan bilangan galaksi yang tidak terhingga, kejauhan yang tidak terhingga untuk kita, setiap daripadanya mempunyai berbillion bintang.³

Dalam masa yang singkat, fahaman kita tentang alam semesta kita telah berubah untuk selamanya.

Hari ini kita boleh melihat beberapa galaksi yang jauh ini.⁴

Kita tahu mereka berada disana.

Mereka berada disana untuk satu masa yang sangat lama.

Tetapi sebelum tamadun manusia mempunyai alatan yang cukup canggih untuk melihat cahaya selestial dan membawa galaksi ini dalam penglihatan, kita tidak pernah percaya bahawa perkara sebegitu adalah mungkin.

Keluasan alam semesta tidak dengan tiba-tiba berubah, tetapi keupayaan kita untuk memahami kebenaran ini tukar secara dramatik. Dan dengan cahaya yang lebih kuat, tamadun manusia diperkenalkan kepada vista yang gemilang yang tidak pernah kita bayangkan.

Ita adalah susah untuk Kita mempercayai Sesuatu Yang Kita Tidak Dapat Lihat

Bayangkan bahawa kamu dapat mengembara balik dalam masa dan dapat berbual dengan mereka yang hidup seribu tahun dahulu atau seratus tahun dahulu. Bayangkan cubaan untuk menggambarkan kepada mereka beberapa barangan teknologi moden yang kamu dan saya gunakan secara mudah hari ini. Contohnya, apa yang orang itu akan fikirkan jika kita memberitahu mereka cerita tentang jet jumbo, ketuhar gelombang mikro, peranti yang boleh dipegang tangan yang mempunyai arkib digital yang amat besar, dan video cucu kita yang kita kongsi secara terus dengan berjuta orang disekeliling dunia ?

Ada yang mungkin mempercayai kita. Kebanyakan akan mencemuh, menentang atau mungkin akan cuba untuk menyapank kita

atau mencederakan kita. Ada yang mungkin akan cuba menggunakan logik, sebab dan fakta mengikut apa yang mereka ketahui untuk menunjukkan yang kita adalah sesat, bodoh atau bahaya. Mereka mungkin akan mengutuk kita dengan cubaan untuk menyesatkan yang lain.

Tetapi sudah tentu, orang-orang ini akan benar-benar silap. Mereka mungkin bermaksud baik dan ikhlas. Mereka mungkin berasa benar-benar positif tentang pendapat mereka. Tetapi mereka tidak akan dapat melihat dengan jelas kerana mereka masih belum menerima cahaya kebenaran.

Perjanjian untuk Cahaya

Ita nampaknya adalah sifat manusia untuk menganggap yang kita adalah betul walaupun kita adalah salah. Dan jika berlaku sedemikian, apakah harapan untuk kita semua? Adakah kita ditakdirkan untuk hanyut tanpa tujuan di lautan maklumat yang bercanggah, terdampar di rakit yang kita bina sendiri dengan kepingan lemah yang kita bina dari berat sebelah kita sendiri?

Adakah mungkin untuk mencari kebenaran?

Sebab ucapan saya adalah untuk mengumumkan mesej bahawa Tuhan Sendiri – Tuhan Semesta Alam yang mengetahui semua kebenaran – telah memberikan anak-Nya satu janji bahawa mereka boleh mengetahui kebenaran dengan sendiri.

Tolong fahami kebesaran perjanjian ini:

Tuhan yang Kekal dan Maha Kuasa, Pencipta alam semesta yang besar ini, akan berbicara dengan sesiapa yang datang kepadaNya dengan hati yang tulus dan dengan niat yang benar.

Dia akan bercakap dengan mereka dalam mimpi, penglihatan, fikiran dan perasaan mereka.

Tuhan akan bercakap dalam cara yang jelas dan yang melampaui pengalaman manusia. Dia akan memberi mereka bimbingan yang kudus dan jawapan untuk kehidupan peribadi mereka.

Tentunya akan ada yang akan memandang hina dan akan berkata bahawa perkara sebegini adalah mustahil, dan jika terdapatnya Tuhan, Dia akan mempunyai perkara yang lebih penting daripada mendengar setiap doa kita dan menjawabnya.

Tetapi saya berkata kepada kamu perkara ini: Tuhan kisah tentang kamu. Dia akan mendengar dan Dia akan menjawab setiap soalan peribadi kamu. Jawapan kepada doa kamu akan datang mengikut cara Dia dan dalam masa-Nya dan oleh sebab itu kamu mesti mempelajari cara untuk mendengar suara Tuhan. Tuhan mahu kamu mencari jalan balik kepadaNya, dan Juruselamat adalah jalan itu.⁵ Tuhan mahu kamu mempelajari tentang anakNya, Yesus Kristus, dan mengalami keamanan yang mendalam dan kegembiraan yang dari mengikut jalan pengikut-pengikut yang ilahi.

Rakan-rakan yang dihormati, terdapat satu eksperimen yang terus-terang dengan jaminan dari Tuhan, terdapat dalam satu buku tulisan suci yang purba, ia terdapat pada setiap lelaki, wanita dan juga kanak-kanak yang bersedia untuk melakukan ujian ini:

Pertama, kamu mesti mencari perkataan Tuhan. Ini bererti membaca tulisan suci dan mempelajari perkataan nabi zaman moden serta zaman purba, tentang injil Yesus Kristus yang dipulihkan – bukan dengan hasrat untuk meragui atau mengutuk tetapi dengan keinginan untuk mengetahui kebenaran.⁶ Seperti yang diajar Alma dalam Kitab Mormon, "bahkan jika kamu tidak dapat membuat lebih daripada berhasrat untuk percaya, biarlah hasrat ini bekerja dalam dirimu. . . memberi tempat untuk (perkataan Tuhan)."⁷

Kedua, anda perlu mengambil kira, renungkan, gigih berusaha untuk mempercayai,⁸ dan berterima kasih kepada rahmat yang Tuhan telah berikan kepada anak-anakNya daripada Adam kepada hari kita dengan menyediakan nabi, penglihat dan pewayhu untuk membawa Gereja

Dia dan mencari kita untuk mencari jalan balik kepada Tuhan.

Ketiga, kamu mesti menanya Bapa di Syurga, dalam nama anak-Nya, Yesus Kristus, untuk menyatakan kebenaran Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir kepada kami. Tanya dengan hati yang tulus dan dengan niat sebenar, dengan iman kepada Kristus.⁹

Terdapat juga langkah *keempat*, yang diberikan oleh Juruselamat: "Barangsiapa mahu melakukan kehendak-Nya, ia akan tahu entah ajaran-Ku ini berasal dari Tuhan, entah Aku berkata-kata dari diri-Ku sendiri."¹⁰ Dalam perkataan lain, apabila kamu cuba mengesahkan kebenaran prinsip injil, kamu mesti dahulu menghidupinya. Letakkan dan uji ajaran doktrin gereja dan ajaran Gereja dalam hidup kamu. Lakukannya dengan niat sebenar dan dengan iman yang kekal dalam Tuhan.

Jika kamu melakukan perkara ini, kamu mempunyai satu janji dari Tuhan – yang terikat dengan firmanNya¹¹ – yang dia akan menyatakan kebenaran kepada kamu melalui kuasa Roh Kudus. Dia akan memberikan kamu cahaya yang lebih tinggi yang akan membenarkan kamu untuk melihat melepasi kegelapan dan menyaksikan pemandangan yang tidak boleh dibayangkan yang mulia dan tidak boleh difahami kepada penglihatan manusia.

Ada yang mungkin berkata bahawa langkah-langkah ini adalah terlalu susah dan tidak berbaloi. Tetapi saya mencadangkan bahawa kesaksian peribadi ini dalam injil dan Gereja adalah perkara yang paling penting yang kamu boleh perolehi dalam hidup ini. Ia bukan sahaja akan memberkati dan membimbing kamu dalam hidup ini, tetapi ia akan mempunyai kaitan secara langsung dalam hidup kamu selama-lamanya.

Perkara tentang Roh hanya Boleh Difahami Hanya dengan Roh

Ahli Sains berjuang untuk memahami kebesaran alam semesta, hanya

selepas alat yang lebih canggih yang boleh mengumpul lebih banyak cahaya baru sahaja mereka boleh memahami kebenaran yang lebih besar.

Rasul Paulus menulis satu prinsip yang sejajar tentang ilmu rohani. “Tetapi manusia duniawi tidak menerima apa yang berasal dari Roh Tuhan,” dia menulis kepada orang Korintus, “karena hal itu baginya adalah suatu kebodohan; dan ia tidak dapat memahaminya, sebab hal itu hanya dapat dinilai secara rohani.”¹²

Dalam perkataan lain, jika kamu mahu memahami kebenaran rohani, kamu mesti menggunakan alat yang betul. Kamu tidak boleh datang dan memahami kebenaran rohani dengan alat yang tidak dapat mengesanya.

Juruselamat memberitahu kita pada zaman ini, “Apa yang dari Tuhan adalah terang; dan dia yang menerima terang, dan melanjutkan di dalam Tuhan, menerima lebih banyak terang; dan terang itu tumbuh makin cemerlang dan makin cemerlang sampai hari yang sempurna.”¹³

Lebih banyak kita mencenderungkan hati kita dan minda kita terhadap Tuhan, lebih banyak lagi cahaya syurgawi akan disulingkan kedalam jiwa kita. Dan setiap rela dan bersungguh-sungguh mencari cahaya itu, kita menunjukkan kepada Tuhan kesediaan kita untuk menerima lebih banyak cahaya. Secara beransur-ansur, perkara-perkara yang seolah-olah sebelum kabur, gelap, dan jauh menjadi jelas, terang, dan kita kenali.

Dengan tanda yang sama, jika kita mengeluarkan diri kita daripada cahaya injil, cahaya kita semakin gelap – bukan dalam sehari atau seminggu tetapi secara beransur-ansur – sehingga kita akan melihat kebelakang dan tidak dapat memahami kenapa kita pernah percaya yang injil itu benar. Ilmu kita yang sebelumnya mungkin akan Nampak bodoh kepada kita kerana apa yang dahulu sangat jelas kini menjadi kabur, berkabut dan jauh.

Inilah sebabnya mengapa Paulus begitu mendesak bahawa mesej injil

itu adalah kebodohan kepada mereka yang menuju ke neraka, “tetapi bagi kita yang diselamatkan pemberitaan itu adalah kekuatan Tuhan.”¹⁴

Tidak Terdapat Ujian Litmus

Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah tempat untuk semua jenis kesaksian. Terdapat ahli Gereja, dimana kesaksian mereka membakar dengan pasti dan terang didalam diri mereka. Terdapat yang lain yang masih berjuang untuk mengetahui dengan sendiri.

Gereja bukan sahaja untuk orang yang sempurna tetapi untuk orang “datanglah kepada Kristus, dan disempurnakanlah di dalam Dia,”¹⁵ Gereja ini adalah untuk orang seperti kamu dan saya. Gereja ini adalah satu tempat yang mengalu-alukan dan pemupukan, bukan untuk memecahbelahkan dan mengutuk. Ia adalah tempat untuk menggalakkan, mengangkat dan mengekalkan satu sama lain sambil kita mengejar kebenaran ilahi.

Pada akhirnya, kita semua Jemaah yang mencari cahaya Tuhan sambil kita mengembara dalam laluan pengikut. Kami tidak mengutuk orang lain untuk jumlah cahaya mereka mungkin atau mungkin tidak mempunyai; sebaliknya, kita menyuburkan dan menggalakkan semua cahaya sehingga ia tumbuh dengan jelas, terang, dan benar.

Satu Janji kepada Semua

Mari kita mengakui bahawa selalunya untuk mendapat kesaksian ia bukan satu tugas dalam seminit, sejam atau sehari. Ia bukan dilakukan sekali dan selesai. Proses untuk mengumpul cahaya rohani adalah usaha seumur hidup.

Kesaksian kamu tentang Anak Tuhan yang hidup dan Gereja-Nya yang dipulihkan semula, Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, mungkin tidak akan datang secepat yang kamu inginkan, tetapi saya boleh janjikan kamu ini: jika kamu lakukan bahagian kamu, ia akan datang.

Dan ia akan gemilang.

Saya menawarkan kepada kamu kesaksian saya yang peribadi bahawa kebenaran rohani akan memenuhi hati kamu dan membawa cahaya kepada roh kamu. Ia akan menunjukkan kamu kebijaksanaan tulen dengan kegembiraan yang indah dan keamanan syurgawi. Saya pernah mengalami ini untuk diri sendiri dengan kuasa Roh Kudus.

Seperti yang dijanjikan kitab-kitab purba, kehadiran terkata Roh Tuhan akan menyebabkan anda menyanyi lagu cinta penebusan,¹⁶ pandangan mata anda ke syurga, dan tinggikan suara memuji kepada Tuhan yang Maha Tinggi, Perlindungan anda, Harapan anda, Pelindung kamu, Bapa anda. Penyelamat berjanji bahawa jika anda mencari, anda akan menemuinya.¹⁷

Saya bersaksi bahawa ini adalah benar. Jika kamu mencari kebenaran Tuhan, yang sekarang mungkin malap, tidak fokus dan yang jauh akan secara beransur didedahkan, dijelaskan dan datang dekat dengan hati dengan cahaya rahmat Tuhan. Pemandangan rohani yang mulia, yang tidak dapat dibayangkan dengan mata manusia, akan didedahkan kepada anda.

Ia adalah kesaksian saya yang cahaya rohani ini adalah dalam jangkauan setiap anak Tuhan. Ia akan menyedarkan minda anda, membawa penyembuhan kepada hati kamu dan kegembiraan dalam hari kamu, Kawanku, tolong jangan melewatkan masa untuk mencari dan menguatkan kesaksian peribadi anda dalam kerja Tuhan yang ilahi ini, iaitu kerja cahaya dan kebenaran.

Kesaksian peribadi kamu tentang cahaya dan kebenaran bukan sahaja akan memberkati keturunan kamu di hidup ini, tetapi akan mengikuti kamu selama-lamanya, diantara dunia-dunia yang tiada ada pengakhirannya. Mengenai perkara ini saya bersaksi dan meninggalkan kamu berkar saya dalam nama Yesus Kristus, amen.

NOTA

1. Musa 1:33.
2. Lihat Marcia Bartusiak, *The Day We Found the Universe* (2009), xii.
Ia sentiasa mengejutkan kepada saya bahawa kita boleh begitu yakin dengan kesimpulan kami. Kadang-kadang keyakinan kami adalah sangat besar sehingga kita menganggap kita semua benar ada. Contoh kes: "Simon Newcomb, dekan astronomi Amerika pada abad kesembilan belas, berkata pada dedikasi pemerhatian pada tahun 1887 bahawa 'setakat astronomi bimbang . . . kita kelihatan cepat menghampiri had pengetahuan kami. . . Hasilnya adalah bahawa kerja yang benar-benar menduduki perhatian daripada ahli astronomi kurang penemuan perkara-perkara baru daripada huraian yang sudah dikenali'" (Bartusiak, xv).
3. Ia penting untuk melihat Musa 1:33, 35 dalam keadaan "pertemuan baru". Dalam buka Musa telah didedahkan kepada Nabi Joseph Smith pada Jun 1830, hampir seabad sebelum Edwin Hubble mengumumkan pertemaun galaksi yang jauh
4. Lihat, sebagai contoh the Hubble Heritage Image Gallery di heritage.stsci.edu/gallery/gallery.html.
5. Lihat Yohanes 6:66.
6. Lihat 3 Nefi 17:3.
7. Alma 32en35
8. Lihat Ajaran dan Perjanjian 121:43
9. Lihat Moroni 10:3–5
10. Yohanes 7:17; lihat juga Amsal 25:14; Yohanes 3:21.
11. Lihat Ajaran dan Perjanjian 121:43
12. 1 Korintus 2:14.
13. Ajaran Dan Perjanjian 59:2.
14. 1 Korintus 1:27.
15. Moroni 10:32; lihat juga Ajaran dan Perjanjian 20:59.
16. Lihat Alma 5:26
17. Lihat Ajaran dan Perjanjian 121:43